

Nelayan mohon elaun kekal

Sinar Harian 31/10/2018 m/s 9

Majoriti nelayan di Malaysia masih hidup di bawah paras kemiskinan dan mereka masih mengharapkan bantuan dari kerajaan.

Atas faktor ini Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) merayu kerajaan dapat mengekalkan elaun sara hidup nelayan (ESHN).

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari berkata, harapan itu mewakili mewakili 48,141 nelayan di seluruh negara terhadap pembentangan Bajet 2019 pada Jumaat ini.

"ESHN masih diperlukan nelayan kerana pekerjaan berisiko tinggi dengan hasil tidak menentu.

"Jika pendapatan nelayan masih rendah, dikhawatirkan nelayan akan berubah ke-

pada pekerjaan lain, sekali gus menjejaskan industri perikanan," katanya.

Pada masa sama, beliau turut memaklumkan bahawa Nelayan Kawasan (PNK) di seluruh negara sedang giat menjalankan program pemutihan bagi mengenal pasti hanya nelayan yang layak saja menerima ESHN.

"Pemutihan ini dilaksanakan supaya kumpulan sasar saja yang layak menerima ESHN. Selain itu, ia juga penting bagi membolehkan pengumpulan data terkini nelayan sekali gus memudahkan pemberian insentif baru kepada mereka yang benar-benar layak," katanya.

Ikuti laporan Sinar Harian mengenai isu nelayan ini.

elaun sara hidup dan subsidi diesel dan petrol dikekalkan, kalau kerajaan nak potong bantuan ini memang kami tak berpuas hati walaupun keputusan di dalam tangan mereka (kerajaan).

"Saya tak nak nanti nelayan menyimpan perasaan benci dan boikot kerajaan sedia ada jika bantuan tidak dikekalkan lagipun kami memang mengharapkan perubahan kerajaan baru ini. Kami harap nasib nelayan lebih baik berbanding sebelum ini," katanya kepada Sinar Harian.

Mat Yassim berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak perlu diusik kerana golongan di bawah kementerian seperti petani, nelayan dan sebagainya memerlukan sokongan padu kerajaan.

Sementara itu, Pengerusi



MAT YASSIM

Persatuan Nelayan Kawasan Besut, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, elaun sara hidup RM300 sebulan itu penting bagi membantu nelayan meneruskan kehidupan mereka terutama ketika musim tengkujuh kerana mereka tidak boleh turun ke laut.

Tengku Harun mengharapkan, semua bantuan dikekalkan cuma pemutihan dilakukan pihak berwajib supaya mereka yang be-

nar-benar layak sahaja menerima bantuan.

"Kalau kerajaan hentikan bantuan kepada nelayan, harga ikan akan naik kerana nelayan terpaksa menanggung kos diesel dan petrol dengan duit sendiri.

"Nelayan pun akan ke laut dalam jarak dekat sahaja kerana tidak mampu menanggung kos untuk ke kawasan lebih jauh," katanya.

Tengku Harun berkata, pihak berwajib perlu melihat juga pelbagai kesan kepada nelayan dan rakyat jika bantuan tidak lagi disalurkan.

Sebelum ini, Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) merayu kepada kerajaan supaya mengekalkan ESHN kerana majoriti nelayan di Malaysia masih hidup di bawah paras kemiskinan.

Desakan Nekmat itu mewakili 48,141 nelayan di seluruh negara menjelang Bajet 2019 Jumaat ini.

NELAYAN Terengganu meminta sebarang bentuk bantuan dikekalkan dan ditambahbaik bagi memastikan kehidupan mereka yang dikategorikan sebagai golongan berpendapatan sederhana dan miskin dibela.

Pengerusi Persatuan

Nelayan Negeri Terengganu, Mat Yassim Mohamed berkata, bantuan terutama elaun sara hidup nelayan (ESHN), subsidi diesel dan petrol serta insentif tangkapan yang diberi kerajaan sebelum ini adalah penting untuk dikekalkan.

"Sekiranya bantuan-bantuan itu tidak diberi kepada nelayan, sudah pasti mereka akan terbeban dengan pelbagai kos operasi yang mungkin menyebabkan kehidupan mereka lebih teruk selepas ini.

"Apa yang penting adalah

REAKSI



"Kita minta kerajaan meneruskan elaun sara hidup yang tentunya membantu menambah sumber pendapatan kami yang tidak menentu sebab nak dapat RM40 sehari pun susah, lebih-lebih lagi jika tak dapat turun ke laut atas faktor cuaca dan ombak kuat."

- Mohd Husnul Faiz Sumeri, 28



"Pemberian elaun sara hidup juga adalah rangsangan kepada anak muda untuk bekerja sebagai nelayan, kita bimbang jumlah nelayan muda makin berkurangan hingga memaksa kerajaan bergantung kepada nelayan warga asing."

- Mohamad Fareez Zulkamen, 28



Nelayan Kuala Muda Kedah bersetuju dengan tuntutan Nekmat yang mahu kerajaan mengekalkan elaun sara hidup nelayan. Kebanyakan nelayan bergantung harap kepada elaun berkenaan bagi meneruskan aktiviti harian menjalankan kegiatan menangkap ikan memandangkan pendapatan yang diperolehi tidak menentu."

- Md Saad Said, 60



"Memang kami harap elaun sara hidup diteruskan sebab memang bantu sangat nak sambung hidup kalau tak dapat turun ke laut. Ikan sekarang dah tak banyak. Saya turut berterima kasih kepada kerajaan kerana telah bantu nelayan seperti pakcik ni sebab inilah satu-satunya sumber rezeki kami jika tidak turun ke laut."

- Abdulrahman Othman, 70

Sokong buat pemutihan bantuan

PONTIAN - Persatuan Nelayan Johor Selatan menyokong penuh rayuan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) agar kerajaan mengekalkan elaun sara hidup nelayan.

Wakilnya, Yaakob Mohd Said, 61, berkata, beliau berharap Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dapat mempertimbangkan rayuan Nekmat itu bagi

membantu golongan nelayan.

Menurutnya, majoriti nelayan di negara ini masih hidup di bawah paras kemiskinan.

"Saya menyokong penuh supaya elaun sara hidup nelayan dikekalkan dengan syarat semua ahli dapat menjalankan amanah dengan telus, sekali gus membuat pemutihan sebagaimana hasrat Salahuddin itu sendiri sebagaimana yang beliau

nyatakan baru-baru ini," katanya.

Terdahulu, Nekmat dalam satu kenyataan mendesak kerajaan supaya mengekalkan elaun sara hidup nelayan bagi membantu golongan berkenaan meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Persatuan tersebut yang mewakili 48,141 nelayan di seluruh negara membuat desakan tersebut menjelang Bajet 2019, Jumaat ini.

Imbangi pendapatan nelayan

BACHOK - Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) besar ertinya kepada nelayan pantai timur yang berdepan musim tengkujuh dari November hingga Mac.

Nelayan tradisional dari Kampung Pulau Belongan, Zainuddin Hussin, 53, berkata, elaun RM300 sebulan itu dapat mengimbangi pendapatan nelayan yang tidak dapat turun ke laut pada musim tengkujuh.

Menurutnya, nelayan tradisional lazimnya tidak mempunyai wang simpanan untuk menghadapi musim tengkujuh.

"Kita ni kais pagi makan pagi, kalau tak turun ke laut memang tak boleh makan, tak tau apa nasib kami



Zainuddin (kanan) bersama rakan membersihkan pukat selepas tidak dapat menangkap ikan kerana laut bergelora.

musim tengkujuh kali ini," katanya.

Zainuddin berkata, dia bersetuju dengan pemutihan

senarai penerima ESHN tetapi sama sekali tidak menyokong jika ia dimansuhkan.